

Akidah Golongan Dahriyyun: Satu Kajian

Siti Aisyah binti Mohamad Badaruddin¹

¹Universiti Teknologi Mara (UITM), Shah Alam

Kata kunci: Dahriyyun, Atheis, aktiviti atau ciri-ciri

Abstrak. Zaman kegemilangan ilmu menjadi satu sejarah pada umat Islam di dunia. Kesannya lahir ramai tokoh-tokoh ilmuan yang terkenal dan juga terbentuk pelbagai kumpulan ataupun puak yang cuba menyebar dan menguasai dunia dengan ilmu kepakaran mereka. Antara golongan yang wujud pada zaman tersebut adalah golongan Dahriyyun. Golongan Dahriyyun telah di definisikan oleh Al-Khawarizmi sebagai golongan yang percaya kepada keabadian masa. Selain itu, Imam al-Ghazali mengatakan Golongan Dahriyyun menolak kewujudan pencipta. Maka, dalam kajian ini pengkaji akan menceritakan sejarah kemunculannya serta ciri-ciri golongan Dahriyyun. Seterusnya, pengkaji akan mengupas pandangan ulama terdahulu dan Ulama kontemporari tentang golongan Dahriyyun. Kajian menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian perpustakaan dengan merujuk bahan ilmiah seperti buku, jurnal, artikel, akhbar dan majalah. Pengkaji mendapati golongan Dahriyyun masih wujud sehingga kini, akan tetapi dalam bentuk moden yang dikenali sekarang sebagai golongan Atheis.

PENDAHULUAN

Pemerintahan Alexander the Great (356-326 sm) telah mencatat sejarah dunia dengan menyebarkan ilmu falsafah Yunani yang ketika itu berpusat di Roma, Byzantium kepada negara taklukannya di Mesir, Syria, Mesopotamia dan Persia. Bertitik tolak daripada itu, muncullah istilah falsafah Islam (*Islamic Philosophy*) kerana ilmu falsafah telah pun meresap kedalam ilmu dunia Islam (<http://wawasansejarah.com/pengaruh-filsafat-yunani-terhadap-pertumbuhan-filsafat-dalam-islam/>)

Falsafah adalah satu ilmu yang mampu membuat pengamalannya semakin dekat dengan Allah s.w.t kerana didalam ilmu falsafah terbongkar segala ilmu pengetahuan yang mana boleh membuatkan seseorang itu makin dekat dengan Allah s.w.t. Dalam kitab “*al-Rasa’il al-Kindiyyah*” karangan al-Kindi menyatakan para ilmuan-ilmuan islam yang bijaksana mendalami ilmu-ilmu sains, perubatan, astronomi, matematik dan fizik dengan melalui jalan falsafah (http://studentsrepo.um.edu.my/1984/4/BAB_1.pdf). Namun, pada abad ke-19 (Razif, 2017) muncul golongan yang menolak keberadaan dan kewujudan tuhan. Mereka lebih mengutamakan akal dan intelektual sebagai ukuran. Pandangan golongan ini, mengatakan apa yang dibuktikan itulah yang benar dan ketiadaan bukti yang nyata yang dapat dilihat oleh pancaindra mereka, maka itu adalah menyalahi. Tuhan, roh, malaikat dan makhluk ghaib tidak sesekali wujud kerana tidak boleh dibuktikan oleh pancaindra (M. Faisal Ashaari, 2017).

Kewujudan golongan ini telah mengelirukan akidah penganut dan pengamal agama Islam yang lain. Kekacauan yang berlaku menjadi satu perbincangan yang besar antara ulama-ulama ilmuan pada zaman tersebut. Imam al-Ghazali pada waktu itu antara ulama yang menjadi pakar rujukkan permasalahan ilmu agama mengambil tindakan dengan mengkaji semula ilmu falsafah. Maka dalam sebuah kitab karangan Imam al-Ghazali yang bertajuk *al Munqiz min al Dhalal* (1934) menyatakan golongan ahli falsafah ini terbahagi kepada 3 golongan dan salah satunya adalah golongan yang menolak agama yang digelar sebagai golongan Dahriyyun.

GOLONGAN DAHRIYYUN

Golongan Dahriyyun telah didefinisikan oleh Imam al-Ghazali didalam kitabnya *al Munqiz min al Dhalal* (1934) sebagai golongan yang menolak Allah s.w.t sebagai pentadbir dan pencipta alam. Mereka menyatakan bahawasanya dunia ini terjadi dan wujud dengan sendirinya tanpa ada yang menciptakannya. Selain itu, golongan ini berpegang kepada prinsip haiwan itu dari air mani, dan air mani itu daripada haiwan.(Razif, 2017) Atau konsep yang lainnya ialah ayam itu daripada telur, dan telur itu daripada ayam.

Golongan Dahriyyun juga berpendapat, alam ini hanyalah material sahaja (<http://sumber-ilmu-islam.blogspot.my/2015/01/materialisme-aliran-meterialisme-paham.html>) dan apa yang wujud didalamnya termasuk material dan tidak akan memusnahkan sesuatu itu melainkan semata-mata perubahan masa. Maka al-Khawarizmi mendefinisikan golongan Dahriyyun didalam kitabnya *Mafatih al- ‘Ulum* (1989) iaitu satu golongan yang hanya percaya kepada keabadian masa. Tuhan itu tidak sama sekali wujud, yang wujud hanyalah kitaran masa yang akan mengubah sesuatu.

Tokoh pemikiran (http://www.academia.edu/4446229/ATEISME_SIAP) golongan Dahriyyun yang mana sangat terkenal dengan menafikan kewujudan tuhan sebagai pencipta dan pentadbir alam adalah Friedrich Wilhelm Nietzsche. Beliau

adalah seorang tokoh pemikiran golongan Dahriyyun. Beliau antara tokoh yang akan membahaskan kewujudan tuhan, malah pandangan yang dilontarkannya amat tajam sehingga mendatangkan kontroversi. Pada pandangan beliau, manusia tidak perlu tunduk hormat kepada yang tertinggi yang dinamakan tuhan kerana sifat manusia itu sendiri telah tinggi dan terhormat. Selain itu, ramai lagi tokoh-tokoh yang lain seperti Sigmund Freud, Soren, Kiekegaard dan Karl Marx. (http://www.academia.edu/4446229/ATEISME_SIAP)

CIRI-CIRI GOLONGAN DAHRIYYUN.

Dalam mengenalpasti ciri pemikiran golongan Dahriyyun telah pun disebut dan ditulis oleh Ibn Hazm didalam karyanya yang bertajuk *al-Fisal fi al-Milal wa Ahwa’ al-Nihal* (1996) terdapat beberapa ciri yang disenaraikan iaitu:

- 1. Mereka tidak melihat sesuatu yang tercipta melainkan sesuatu itu dalam sesuatu
- 2. Apa yang menghasilkan jisim hanyalah jauhar ataupun aradh. Maka semua yang wujud didalam dunia ini hanyalah jauhar dan aradh
- 3. Sekiranya wujud pihak yang menghasilkan, samaada ianya sama dengannya, atau berbeza sepenuhnya, atau sama ada pada aspek tertentu, atau berbeza pada lainnya. Perbezaan sepenuhnya adalah sesuatu yang tidak dapat diterima kerana tidak ada yang boleh menghasilkan sesuatu yang berbeza atau berlawan darinya.
- 4. Sekiranya dunia ini wujud pencipta, nescaya dia telah melakukan sesuatu yang bermanfaat. Dan tidak membiarkan dunia ini berlaku kerosakkan.

AKIDAH GOLONGAN DAHRIYYUN

Akidah adalah satu kepercayaan dan keyakinan kita kepada Allah s.w.t sebagai pencipta, pentadbir langit dan bumi. Tiada sekutu bagi Allah s.w.t dengan apa pun. Firman Allah Taala didalam kitab al-Quran al-Karim:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa.*
(Surah al-Iklas, ayat:1)

Allah telah memberitahu kepada kita melalui ayat al-Quran bahasanya Allah Taala itu Maha Esa. Hanya kepadaNya kita wajib beriman. Namun, golongan Dahriyyun yang muncul pada abad ke19 menyuarakan hujjah mereka dengan mengatakan mereka menolak kewujudan tuhan sebagai Pencipta segala sesuatu. Sedang Allah swt telah berfirman dalam surah az-Zumar ayat 62 yang berbunyi:

اللَّهُ خَلِقُ كُلِّ شَيْءٍ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ

Maksudnya: *Allah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dan Dialah yang mentadbir serta menguasai segala-galanya.*

Imam al-Ghazali didalam kitabnya *al-Munqiz min al-Dhalal* (1934) telah klasifikasikan golongan Dahriyyun termasuk dalam ketegori “**Kafir Zindiq**” . *Kafir Zindiq* dalam kitab karangan Imam al-Ghazali mengatakan bahawa mereka adalah golongan yang menolak kewujudan Allah s.w.t serta mereka mengingkari adanya hari kiamat. Mereka juga menegaskan bahawasanya alam ini adalah *qadim*. Selain itu, Ibn Hanbal (Zakiah Ab.Ilah, 2009) menyuarakan hujjahnya berkaitan dengan istilah *Zindiq*. *Zindiq* pada Ibn Hanbal iailah mereka yang tergolongan dalam perkara bid’ah (mengada-adakan) (Kelana.C.M & Lai Chong, 1998) ataupun mengelaskan mereka golongan ilhad (tiada agama). Dan ada juga pendapat lain yang mengatakan istilah *Zindiq* juga bermaksud *freethinker* (Wehr, Hans, 1960).

Maka golongan Dahriyyun adalah golongan “Kafir Zindiq” dan mereka satu group atau kumpulan yang tidak mempunyai akidah. Akidah mereka ini telah pun dipesongkan ataupun telah terpesong (Zainal Abidin Safwan, 2002) dari landasan yang benar. Ini kerana, akidah itu sendiri bermaksud pengangan, apabila mereka meninggalkan pengangan atau kepercayaan kepada tuhan yang mencipta, mentadbir dan menguasai bumi ini, maka mereka adalah kelompok yang tidak berakidah.

DAHRIYYUN ADALAH ATHEIS

Pemahaman, pemikiran dan ideologi golongan Dahriyyun tidak berakhir selepas abad ke-19 akan tetapi ideologi itu hidup sehingga sekarang, bahkan semakin meluas penyebarannya. Dunia hari ini yang sangat mencabar dengan teknologi yang serba canggih sehingga ideologi pemikiran Dahriyyun senang meresap kedalam pemikiran anak muda pada zaman ini. Atheis (M. Faisal Ashaari, 2017) adalah golongan Dahriyyun terdahulu, namun telah diberi nama dan nafas yang baru yang dikenali sebagai kumpulan Atheis. Ideologi kumpulan Atheis adalah sama dengan Dahriyyun iaitu:

- i. Menolak wujudnya pencipta pentadbir dan penguasa alam
- ii. Segala yang terjadi adalah kerana peredaran masa dan alam ini qadim
- iii. Tidak memerlukan tuhan kerana manusia itu sendiri mempunyai darjat yang tinggi dan banyak lagi. Namun amatlah membimbangkan ideologi kumpulan Atheis bukan sahaja tersebar ke negara-negara bukan Islam tetapi negara Islam juga telah dicemari oleh ideologi kumpulan ini.

Pada 7 Ogos 2017 Berita Sinar, masyarakat dikejutkan dengan satu perjumpaan kelab yang menolak kewujudan tuhan yang bertempat di Kuala Lumpur. Amat mendukacitakan kerana perjumpaan ini disertai oleh sekumpulan anak Melayu yang beragama Islam. Kelab ini beri nama Athiest Republic yang diketuai oleh Armin Navabi. Anak Melayu yang beragama Islam dengan bangga menggelarkan diri mereka ex-Muslim.

RUMUSAN

Pengkaji boleh membuat kesimpulan terhadap kajian “Akidah Golongan Dahriyyun” adalah mereka sebenarnya tidak berakidah kerana tidak berpengang kepada apa-apa kepercayaan melainkan berpandukan kepada akal mereka semata-mata. Golongan Dahriyyun dipanggil oleh Imam al-Ghazali sebagai kafir *zindiq* kerana pengakuan mereka terhadap ketiadaan atau kewujudan tuhan sebagai pencipta. Golongan ini masih kekal sehingga kini yang diberi nama yang baru iaitu Atheist.

RUJUKKAN

Mohd Fauzi bin Hamat (2011), Beberapa Pengamatan Ibn Hazm (M. 456H/1063M) Terhadap mantik Greek Dari Sudut Akidah Islam: Tumpuan Kepada Perbahasan al-Tasawwurat, Universiti Malaya.

Al-Khawarizmi (1989), Mafatih al Ulum, Darul Kitab Arabi, m.55

Ibn Hazm (1996), Fisal fi al-Milal wa Ahwa’ al-Nihal, Bairut.

Muhammad Faisal Ashaari (2017), Persepsi Manusia terhadap Tuhan antara Ateisme, Teisme, Agnostik dan Apatheisme, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anak Melayu Atheis Dikecam (2017, Ogos 7), Sinar Harian online. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/anak-melayu-ateis-dikecam-1.714624>

Zainal Abidin Safrawan et al. (2002), Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 2195.

Kelana C.M & Lai Choy (1998), Kamus Perwira, T.T.P: Penerbitan Daya Sdn. Bhd., h. 1680.

Ibid.. Lihat al-Ghazali (1934), al-Munqidh min al-Dalal, c. 2, Damsyik: Matba‘ah Ibn Zaidun, h. 66

Wehr, Hans (1960), Milton, J. (ed.), A Dictionary of Modern Written Arabic-English, c. 3, London: Macdonald & Evans, h. 383.

Mohaaad Razif Mohamad Fuad (2017), Bayan Linnas Siri 107: Menilai Fahaman New Atheis, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Zakiah Ab.Ilah (2009), Konsep Zindiq : Kajian dari Perspektif Pemikiran Islam, Universiti Malaya, m. 32-37.

N.Nurul Nasriah, Apakah itu Ateisme dan Mengapa Menjadi Ateism? http://www.academia.edu/4446229/ATEISME_SIAP

Muhammad Iskandar Shah, Asas Akidah dalam Islam http://webcache.googleusercontent.com/search?q=cache:W6ryWTdY_v8J:pusatislam.utem.edu.my/ms/muat-turun/artikel.html%3Fdownload%3D36:asas-akidah-dalam-islam+&cd=1&hl=en&ct=clnk&gl=my

http://studentsrepo.um.edu.my/1984/4/BAB_1.pdf

<http://wawasansejarah.com/pengaruh-filsafat-yunani-terhadap-pertumbuhan-filsafat-dalam-islam/>

<http://sumber-ilmu-islam.blogspot.my/2015/01/materialisme-aliran-meterialisme-paham.html>